

Newspaper	Berita Harian
Date	4 December 2015

'Tuduhan kitar semula Tun M'

KAH-4/12/2015
Kuala Lumpur: Tuduhan tidak berasas dilemparkan Tun Dr Mahathir Mohamad, disifatkan sebagai penghinaan terhadap kredibiliti pihak berkuasa yang melakukan siasatan terhadap 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Dalam kenyataannya semalam, syarikat pelaburan strategik kerajaan itu menyelar tindakan Dr Mahathir kerana berterusan 'mengitar semula' tuduhan yang dibuat tanpa bukti kukuh.

"1MDB merujuk kepada entri terbaharu Dr Mahathir menerusi blog rasminya dan jelas menunjukkan pengakuan beliau bahawa semua tuduhan selama ini dibuat berasaskan andaian, bukan bukti.

"Berbanding Dr Mahathir, 1MDB merungkai segala masalah dan isu dengan mengemukakan fakta, malah akaun syarikat diaudit firma antarabangsa yang mempunyai reputasi," katanya, semalam.

Dr Mahathir menerusi blog rasminya, chedet.cc mempersoalkan rasional penjualan aset 1MDB, termasuk Edra Global Energy Bhd (Edra) yang disifatkan tidak menjana keuntungan.